



Perlu ada SOP lebih mesra pengundi untuk memberi peluang mereka melaksanakan tanggungjawab kepada negara. (Foto hiasan)

## ‘PRU-15 sesuai diadakan Ogos atau September’

**Kuala Lumpur:** Penganalisis politik membayangkan Ogos atau September depan sebagai tempoh sesuai diadakan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

“Ia perlu dilakukan segera dalam usaha menstabil dan menyelesaikan kemelut politik negara, selain memastikan pelabur tidak bimbang dengan keadaan politik ketika ini.

Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Rusdi Omar, berkata kerajaan tiada alasan tidak mengadakan PRU segera kerana ia langkah terbaik dalam keadaan ketika ini.

“Ia tidak sepatutnya berlaku kerana apabila dilihat rakyat, ia membuatkan mereka kurang berkeyakinan terhadap kerajaan kerana gagal menyelesaikan permasalahan yang timbul.

“Untuk menyelesaikan masalah, saya berpendapat Ogos atau September masa terbaik kerajaan kerana gagal menyelesaikan permasalahan Parlimen selepas mendapat persetujuan daripada Kabinet.

“Bulan selepas sambutan Aidiladha itu dilihat sesuai kerana sebelum itu ramai yang akan menunaikan ibadat haji dan apabila kembali ke tanah air, mereka berkesempatan mengundi,” katanya kepada *BH*, semalam.

Rusdi berkata, mandat perlu dikembalikan kepada rakyat menerusi PRU bagi menentukan kerajaan yang akan dibentuk.

Katanya, lebih banyak masalah akan timbul jika kerajaan dibentuk tanpa PRU seperti yang berlaku ketika ini, apabila pelbagai isu timbul termasuk pengkalan menteri tidak cekap walaupun selepas dibuat rombakan Kabinet.

Beliau berkata, kerajaan juga tiada pilihan selain mengadakan PRU kerana memorandum persefahaman (MoU) antara kerajaan dengan Pakatan Hara-

“Mandat perlu dikembalikan kepada rakyat menerusi PRU bagi menentukan kerajaan yang akan dibentuk”

**Rusdi Omar,**  
Dekan  
Ghazali Shafie  
Graduate School  
of Government,  
UUM



pan (PH) tamat 31 Julai ini.

“Saya yakin selepas tamat MoU, Barisan Nasional (BN) akan minta PRU dipercepatkan susulan momentum kemenangan PRN Melaka dan Johor.

“Bagaimanapun, PRU dan PRN adalah situasi berbeza dan sudah pasti ia boleh memberi kesan besar kepada semua parti politik,” katanya.

Penganalisis Politik Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berpendapat PRU-15 hanya sesuai dibuat tahun hadapan apabila mandat kerajaan tamat pada Mei 2023.

Walaupun ketika ini fasa peralihan endemik, beliau berkata, pelaksanaan PRU masih bergantung kepada saranan Kementerian Kesihatan (KKM) dan prosedur operasi standard (SOP) pilihan raya yang lebih holistik dan lengkap.

“Sebelum ini SOP pada PRN Johor tidak membenarkan mereka yang disahkan positif COVID-19 mengundi dan ini tidak sepatutnya berlaku.

“Oleh itu, perlu ada SOP yang lebih mesra pengundi untuk memberi peluang mereka melaksanakan tanggungjawab kepada negara,” katanya.